



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**29 Disember 2023
16 Jamadilakhir 1445H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	'Ikan local di Selangor cepat pupus'
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH	
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL	13	29.12.2023

Tindakan lepas ikan 'alien' untuk nazar, ritual ancam spesies tempatan

'Ikan lokal di Selangor cepat pupus'

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Pelepasan ikan asing atau lebih dikenali spesies 'alien' untuk membayar nazar atau ritual telah mempercepatan kepupusan ikan asli tempatan di Selangor khususnya.

Pemilihan ikan khususnya jenis keli afrika atau nama saintifiknya *Clarias gariepinus* yang dikatakan mempunyai daya tahan tinggi amat berseesuaian dengan nazar dibuat golongan tersebut.

Kehadiran ikan penceroboh ini dikatakan boleh memakan mana-mana spesies ikan dengan begitu banyak dan cepat bertindak balas kepada sumber makanan baharu.

Malah, ikan keli afrika yang seberat dua kilogram (kg) boleh menghasilkan kira-kira 45,000 biji telur.

Pengaruh Jabatan Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, ikan keli Afrika adalah tersenarai dalam senarai cadangan ikan yang tidak boleh dilepaskan di perairan umum melalui kempen-kempen kesedaran yang dijalankan pihaknya.

Katanya, pihaknya tidak pernah melarang sesiapa untuk melakukan upacara nazar, namun dengan syarat tidak melepaskan ikan invasif atau pemangsa.

"Mungkin dia (bernazar) berniat baik kerana ikan keli afrika boleh dimakan penduduk negara ini. Apabila ditangkap, nelayan darat akan mendapat pendapatan mereka sedangkan spesies asli ikan tempatan jenis itu adalah ikan keli bunga.

"Biasanya, ikan keli afrika ini adalah besar berbanding tempatan dengan di bahagian bawahnya berwarna seakan putih kelabu. Mereka yang bernazar sepatutnya merujuk kepada kami dengan pelbagai ikan lain boleh dilepaskan yang mempunyai nilai tinggi seperti lampam



NORAI SYAH



IKAN baung ekor merah yang dikenali sebagai pemangsa pelahap turut memakan loka.

CARTA menunjukkan spesies-spesies ikan yang dilarang diimport ke Malaysia. – SUMBER JABATAN PERIKANAN

jian inventori perikanan darat dan maklumat daripada nelayan darat mendapati populasi mereka telah merebak di Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Bernam selain tasik atau kolam takungan yang wujud di negeri ini.

"Ikan-ikan 'alien' ini semakin dominan kerana sifatnya agresif dan mempunyai saiz besar sehingga menyebabkan ikan pemangsa tempatan seperti haruan, sebarau dan toman tidak mampu menandinginya.

"Sebahagian ikan ini juga boleh bertahan pada keadaan air yang tercemar seperti ikan keli afrika dan ikan bandar raya (ikan pleco). Ketahanan ini akan me-

nyebabkan ia senang membiak dan terus berkembang.

"Malah, hasil maklumat nelayan di Felda Soeharto, Hulu Selangor pernah menangkap ikan baung ekor merah seberat 50 kilogram (kg) selain terdapat maklumat diperolehi ikan jenis itu juga makan loka lattu sejenis haiwan cangkerang," katanya.

Noraisyah memberitahu, kebanyakan ikan alien ini adalah berasal dari benua Afrika dan Sungai Mekong yang dibawa masuk untuk tujuan ternakan, manakala ada sesetengah ikan yang telah disenarai sebagai ikan larangan dibawa atau diseludup masuk oleh pihak tidak bertanggungjawab.